

10 DEC 2001

Lajim-PBS

LAJIM YAKIN PBS DITERIMA MASUK BN

KOTA KINABALU, 10 Dis (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Haji Ukin yakin semua parti komponen Barisan Nasional (BN) khususnya di negeri ini menyokong permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula BN.

Lajim yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata ini berdasarkan reaksi positif yang ditunjukkan oleh parti komponen BN terhadap hasrat PBS itu.

"Berdasarkan maklum balas yang saya terima, semua parti komponen BN di Semenanjung dan Sarawak tidak ada bantahan.

"Begitu juga di Sabah, cuma ada parti komponen BN di sini yang mungkin mahu penjelasan lanjut mengenai beberapa perkara sebelum PBS diterima menganggotai BN," katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa dengan kakitangan kerajaan di bawah Kementerian Penerangan Malaysia di sini, semalam.

Lajim berkata kemasukan PBS dalam BN akan mengurangkan pergeseran politik di Sabah dan memberi peluang kepada kerajaan menumpukan kepada usaha membangunkan negeri ini.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno tiada halangan dengan kemasukan semula PBS ke dalam BN.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata pendirian itu akan dinyatakan oleh wakil Umno dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang akan dijangka diadakan selepas Hari Raya Aidilfitri.

Mengenai ketiadaan anggota pembangkang di Dewan Undangan Negeri Sabah apabila PBS diterima menganggotai BN kelak, Lajim berkata anggota BN bertanggungjawab memberi teguran membina demi kebaikan rakyat dan negeri ini.

"Kalau ada kesilapan, anggota BN bertanggungjawab menegur untuk tujuan memperbetulkan keadaan," katanya.

Beliau turut memberi jaminan bahawa kerajaan negeri tidak akan bertindak dengan sewenang-wenangnya walaupun tidak ada anggota pembangkang di Dewan Undangan Negeri nanti.

-- BERNAMA

NT NMO